

# KELOMPOK (Part 1)

Rahimei Mohd Iqbal B. Abdul Malik, Rustam Bin Hashim & Syed Syamsul Faizal Bin Syed Zakariya

## Pengenalan

Dalam kehidupan bertamadun kini, perkembangan sahsiah dan pertumbuhan masyarakat manusia semakin bertambah dan meningkat. Ciri-ciri yang tertentu memberikan impak yang besar kepada beberapa kompenan dan aspek kemasyarakatan. Ini sekaligus mendorong kewujudan beberapa kelompok yang memainkan peranan khusus mengikut bidang masing-masing yang bersesuaian dengan keperluan sekeliling. Kelompok yang diketengahkan kini mempunyai beberapa ciri yang unik iaitu *komposisi, struktur dan prestasi kelompok*.

Jika dilihat dari sudut *komposisi* sesuatu kelompok lebih menjurus kearah saiz, bangsa, kebolehan dan personaliti ahli dalam sesuatu kelompok. Sebagai contoh dalam membina negara bangsa bagi sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia adalah amat penting terutama dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara. Jelasnya ciri-ciri seperti saiz iaitu bilangan masyarakat melayu yang lebih ramai, kepelbagaian bangsa seperti melayu, cina, india, kadazan, iban dan pelbagai, dan adanya penduduk yang mempunyai kebolehan yang berbeza seperti tahap kepimpinan, kerjaya, minat dan bakat.

*Struktur kelompok* yang menjurus kearah saluran komunikasi yang ada untuk ahli berhubung, berinteraksi sesama sendiri dan dengan kepimpinan kelompok. Pastinya keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme, lingua franca, integrasi, kewarganegaraan dan demokrasi. Cabaran globalisasi dan liberalisasi menuntut perubahan dinamik dalam mewujudkan kedinamikan kelompok bagi melahirkan warganegara “glokal” yang bertindak bijak menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi mengikut acuan *local* atau tempatan. Kedinamikan kelompok merupakan proses unggul yang berlaku dalam setiap kelompok iaitu setiap ahli saling respons dan saling mempengaruhi serta wujud hubungan emosi yang menghubungkan antara ahli.

*Prestasi kelompok* melibatkan sejauh mana kejayaan atau kegagalan ahli dalam mencapai matlamat. Fokus utama dalam membina negara bangsa mencakupi usaha-usaha seperti memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai asas perpaduan, integrasi nasional dan bahasa ilmu. Fokus lain ialah memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa serta memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk

pemikiran kehidupan. Secara tidak langsung komposisi kelompok lebih memengaruhi tahap prestasi kelompok yang dibangun. Akan tetapi, jika struktur kelompok dijalinan maka ia lebih menekankan kepada menentukan jenis pengaruh yang berlaku dikalangan ahli kelompok.